



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)

www.ijmoe.com



**PENILAIAN PELAJAR BAHASA ARAB UiTM KELANTAN
TERHADAP PENGGUNAAN DAN KEBERGUNAAN KAMUS
KATA KERJA ARAB (VERBDICT)**

*EVALUATION OF UiTM KELANTAN ARABIC STUDENTS ON THE USE AND
USEFULNESS OF THE ARABIC VERB DICTIONARY (VERBDICT)*

Mazuki Izani Ismail¹, Muhammad Saiful Anuar Yusoff^{2*}

^{1,2} Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan
Email: mazuki@uitm.edu.my, saiful673@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 12.12.2023

Published date: 26.12.2023

To cite this document:

Ismail, M. I., & Yusoff, M. S. A. (2023). Penilaian Pelajar Bahasa Arab UiTM Kelantan Terhadap Penggunaan Dan Kebergunaan Kamus Kata Kerja Arab (Verbdict). *International Journal of Modern Education*, 5 (19), 254-262.

DOI: 10.35631/IJMOE.519018

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kamus sama ada bercetak atau dalam talian boleh membantu memperluas pemahaman pelajar tentang kosa kata, penterjemahan teks, dan konteks penggunaan satu-satu perkataan. Kamus bahasa Arab di internet boleh didapati dengan mudah, namun agak sukar menemukan kamus Melayu-Arab yang mengkhususkan kepada kata-kerja bahasa Arab dengan tasrifnya seperti *VerbDict* (<http://www.verbdict.abqarie.com/>). Namun, penilaian pelajar terhadap penggunaan kamus ini masih belum dikenalpasti. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi melihat penilaian pelajar UiTM Cawangan Kelantan terhadap penggunaan dan persepsi mereka terhadap kebergunaan kamus kata kerja bahasa Arab ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan data diperolehi menggunakan soal selidik skala *likert* lima mata. Seramai 136 pelajar UiTM Cawangan Kelantan dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik dalam talian yang dihantar melalui *email*. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package Social Science* (SPSS) 23.0. Dapatan kajian membuktikan bahawa i) tahap penggunaan kamus kata kerja adalah tinggi (M=4.06-4.20; SP:0.78-0.92) dan ii) persepsi mereka berkaitan kebergunaan kamus juga adalah tinggi (M=4.35-4.45; SP:0.64-0.69). Kamus ini dicadangkan supaya digunakan secara meluas untuk manfaat pelajar.

Kata Kunci:

Kamus Kata-Kerja; Tahap Penggunaan; Persepsi; Pelajar UiTM; Bahasa Arab.

Abstract:

Printed or online dictionaries can help expand students' understanding of vocabulary, text translation, and the context of single-word use. Arabic dictionaries on the internet can be easily found, but it is quite difficult to find a Malay-Arabic dictionary that specialize in Arabic verbs with conjugations such as VerbDict (<http://www.verbdict.abqarie.com/>). However, the students' experience of the use of this dictionary has not yet been identified. Therefore, this study was conducted to see the evaluation of UiTM Kelantan Branch students on the use and their perception of the usefulness of this Arabic verb dictionary. This study uses a quantitative approach and data is obtained using a five-point likert scale questionnaire. A total of 136 students of UiTM Kelantan Branch were randomly selected to answer an online questionnaire sent by email. The data was analyzed by using Statistical Package Social Science (SPSS) 23.0 software. The findings of the study prove that i) the level of verb dictionary use is high (M=4.06-4.20; SP:0.78-0.92) and ii) their perception regarding the usefulness of the dictionary is also high (M=4.35-4.45; SP:0.64-0.69). This dictionary is suggested to be widely used for the benefit of students.

Keywords:

Dictionary Of Verbs; Level Of Use; Perception; Uitm Students; Arabic Language

Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang kaya dengan sejarah, budaya, dan sastera. Oleh kerana itu, minat untuk mempelajari bahasa ini terus meningkat di seluruh dunia. Dalam era digital yang serba canggih seperti sekarang, akses kepada informasi semakin mudah dengan adanya internet. Salah satu alat yang sangat berguna dalam pembelajaran bahasa Arab adalah kamus dalam talian. Kamus dalam talian adalah alat yang memungkinkan pengguna untuk mencari erti perkataan atau frasa dalam bahasa Arab secara elektronik. Kamus dalam talian tidak hanya memberikan definisi kata, tetapi juga memberikan sinonim, antonim, contoh perkataan, dan informasi tambahan lainnya yang dapat membantu pengguna memahami penggunaan perkataan dengan lebih baik.

Kamus dalam talian telah menjadi salah satu alat yang tidak ternilai dalam pembelajaran dan komunikasi di era digital ini. Pelbagai aspek kehidupan, termasuk pendidikan, bahasa, dan budaya telah mengalami transformasi positif berkat keberadaan kamus dalam talian. Teknologi telah digunakan dalam hampir semua bidang pendidikan bahasa yang meningkatkan kualiti input, menjadikan komunikasi tulen, dan memberikan maklum balas yang tepat pada masanya dan relevan. Selain itu, ia menyokong pembangunan semua kemahiran bahasa (contoh., mendengar, menulis, membaca, bertutur, tatabahasa, dan perbendaharaan kata) dan mencipta persekitaran pembelajaran yang menyenangkan untuk pembelajaran bahasa pelajar (Ghanizadeh et al., 2015).

Ramai pengguna kamus lebih suka kamus dalam talian berbanding kamus kertas kerana kelajuan dan kemudahgunaannya. Dengan hanya menaip perkataan, takrifan boleh diakses lebih cepat berbanding dengan melihat melalui halaman dalam kertas (Truong, 2012). Berbeza dengan kamus bercetak, kamus dalam talian tidak memerlukan pengguna merujuk kepada kata dasar yang memerlukan kepada penguasaan ilmu saraf. Dengan sekadar menaip huruf pertama daripada perkataan yang dicari, mereka berupaya mendapatkan makna perkataan tersebut dalam masa yang singkat. Penggunaan kamus *online* dan perisian dianggap lebih mudah, efektif dan efisien tanpa harus menguasai ilmu saraf terlebih dahulu (Wahida, 2017). Tambahan lagi, kamus digital memiliki penampilan yang pelbagai dengan pengurusan kemasukan perkataan yang lebih teratur, mudah dikemaskini dan diubahsuai mengikut keperluan (Yamin et al., 2022).

Terdapat banyak kamus dalam talian bahasa Arab yang boleh dijadikan rujukan pelajar. Antara yang terkenal ialah *Al-Maany*, *Forvo*, *WordReference*, *Livingsoft*, *Lexilogos Arabic Dictionary*, *Bab.La Arabic Dictionary*, *Cambridge English-Arabic Dictionary*, *Glosbe Dictionary Malay – Arabic*, *The Arabic Lexicon*, *Reverso* dan lain-lain. Namun, pelajar masih lagi menghadapi masalah kategori nahan bahasa Arab (*Grammatical Categories*) yang kompleks untuk difahami disebabkan kepelbagaian elemen seperti jantina, bilangan, zaman (*tense*) dan sebagainya (Naimah Abdullah, 2005). Kamus yang memberikan fokus yang khusus kepada elemen-elemen ini masih lagi kurang diberi perhatian. Bertitik tolak daripada isu ini, maka satu kamus dalam talian (*VerbDict*) dibangunkan untuk mengatasi lompong yang terdapat dalam kamus-kamus dalam talian sebelum ini. Kamus ini memberikan tumpuan dalam proses terjemahan kepada kesemua tiga jenis kata kerja bahasa Arab iaitu kerja kala lampau (الفعل الماضي), kata kerja kini (الفعل المضارع) dan kata kerja perintah (فعل الأمر) dengan mengambil kira elemen ganti nama, jantina dan bilangan.

Kajian-kajian di atas memperlihatkan penggunaan beberapa kamus dalam talian dalam kalangan pengguna. Walaupun demikian, belum ada kajian yang dijalankan untuk melihat penggunaan kamus dalam talian *VerbDict* dan penilaian pelajar terhadap kebergunaan kamus ini. Bagi mengisi lompong kajian ini, kajian ini dijalankan untuk meninjau (i) penggunaan kamus kata kerja bahasa Arab UiTM dan juga persepsi mereka berkaitan kebergunaan kamus tersebut. Bagi mengisi lompong kajian ini, objektif kajian ini adalah untuk melihat (i) penilaian pelajar UiTM Cawangan Kelantan terhadap penggunaan kamus *VerbDict* dan (ii) persepsi mereka terhadap kebergunaan kamus kata kerja bahasa Arab ini.

Sorotan Literatur

Perkataan kamus diserap daripada kata bahasa Arab قاموس *qāmūs* yang sendirinya meminjam dari kata bahasa Yunani okeanos (Wikipedia, 2023). Perkataan kamus bererti samudera atau lautan besar (Muṣṭafa et. al, 2023). Mu'jam al-Rāid mendefinisikan kamus dengan laut besar atau tempat paling jauh di kedalaman laut (Al-Maany, 2023). Kamus bolehlah diertikan dengan rujukan yang merangkumi perbendaharaan kata sesuatu bahasa yang disusun dalam susunan abjad khas atau mengikut akar perkataan, dengan definisi setiap satunya dan maklumat tentangnya seperti rumus, pecahan perkataan, makna dan kegunaan yang berbeza (Al-Maany, 2023). Menurut Crystal (2011), kamus adalah sebuah *referensi leksikal* yang berisi daftar perkataan dalam suatu bahasa beserta definisinya, biasanya disertai dengan informasi lain seperti pengucapan, etimologi, contoh penggunaan, sinonim, antonim, dan informasi tambahan lainnya. Ibn Manzur (2010) seorang ulama Arab yang terkenal dengan kamusnya yang bernama *Lisan al-Arab* tidak memberikan definisi kata "kamus" secara jelas dalam kamusnya tersebut.

Beliau telah mencurahkan upayanya untuk memberikan definisi, penjelasan, dan sinonim-sinonim daripada ribuan perkataan dalam bahasa Arab. Meskipun "*Lisan al-Arab*" tidak secara khusus memberikan definisi kata "kamus", karya tersebut menjadi rujukan utama untuk memahami makna dan penggunaan perkataan dalam konteks Arab Klasik. Karya ini dianggap berharga dalam bidang leksikografi Arab dan menjadi sumber yang penting bagi para sarjana bahasa Arab.

Proses pembelajaran dengan menggunakan pelbagai kamus bahasa dapat membantu pelajar menguasai kosa kata dengan baik. Pelajar perlu mencatat dan menghafal perkataan yang ditemuinya. Pelajar tidak akan dapat mengetahui makna perkataan baru yang ditemuinya melainkan dengan cara melihat kamus. Guru berperanan dalam membimbing pelajar menggunakan kamus dan menterjemahkan makna mengikut kehendak ayat. Kamus hendaklah dipelbagaikan dan tidak hanya memadai kepada sesebuah kamus sahaja bagi menambah pelbagai pengetahuan tentang makna perkataan yang dicarinya. Pelajar boleh menggunakan kamus Arab-Melayu sebagai asas utama atau kamus Arab-Inggeris dan kamus Arab-Arab. Bagi menguasai Bahasa Arab dengan baik setiap pelajar hendaklah memiliki kamus sendiri. Tanpa kamus pelajar akan menghadapi kesulitan dalam penguasaan kosa kata. (Rosni, 2007).

Perkembangan teknologi telah membawa perubahan besar dalam cara mengakses informasi, termasuk kamus bahasa Arab. Kamus bahasa Arab yang dahulunya hanya tersedia dalam bentuk cetakan kini juga telah berkembang menjadi kamus *online* atau dalam talian yang dapat diakses melalui capaian internet. Perubahan ini membawa pelbagai manfaat dan memudahkan pelajar bahasa Arab dalam mencari dan mendapatkan informasi kosa kata dan makna perkataan. Salah satu kelebihan utama penggunaan kamus dalam talian adalah kebolehcapaiannya yang luas. Dengan kamus dalam talian, seseorang dapat mengaksesnya pada bila-bila masa sahaja dan di mana sahaja selagi mana terhubung dengan internet. Ini memungkinkan pelajar bahasa Arab untuk mencari makna perkataan atau kosa kata baru secara segera tanpa harus membawa kamus cetakan secara fizikal. Kamus dalam talian juga seringkali memiliki ciri pencarian yang canggih, memungkinkan pengguna untuk mencari perkataan berdasarkan kata kunci, sinonim, atau bahkan frasa.

Selain kosa kata, pelajar juga boleh mendapatkan perkataan dalam bentuk *tense* kata kerja yang berbeza. Membicarakan tentang kata-kerja, biasanya kamus bahasa Arab-Melayu hanya menyenaraikan kata-kerja kala lampau (الفعل الماضي) dan kata-kerja kini (الفعل المضارع). Namun kamus dalam talian dalam kajian ini merangkumi kesemua tiga jenis kata kerja bahasa Arab iaitu *al-fi'l al-māḍi*, *al-fi'l al-muḍariʿ* dan *fi'l al-ʿamr*.

Menyedari hakikat ini, penulis telah membangunkan sebuah kamus dalam talian *Verb Dictionary (VerbDict)* yang memuatkan kesemua 34 tasrif (14 untuk *al-fi'l al-māḍi*, 14 untuk *al-fi'l al-muḍariʿ* dan 6 tasrif untuk *fi'l al-ʿamr*) bagi satu-satu perkataan. Kamus ini mengandungi kira-kira 120 entri atau perkataan kata-kerja yang mana kesemua perkataan itu diambil daripada silibus bahasa Arab yang diajar di UiTM Kelantan yang melibatkan kod-kod TAC101, TAC151, TAC401, TAC451 dan TAC501. Ini bagi membantu pelajar mendapatkan perkataan yang sesuai mengikut elemen-elemen jantina, bilangan, zaman (*tense*) untuk digunakan dalam ayat bagi membentuk dialog bagi tujuan ujian-ujian simulasi dan lakon peranan. Kamus kata kerja *VerbDict* boleh dicapai daripada URL <http://www.verbdict.abqarie.com/> seperti dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Halaman Utama Laman Web *VerbDict*

Sumber: <http://www.verbdict.abqarie.com/>

Metodologi Kajian

Kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini dijalankan terhadap pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM Cawangan Kelantan. Untuk memastikan sampel responden yang dipilih sesuai dengan populasi kajian, sampel dipilih secara rawak mudah daripada lima fakulti dengan jumlah keseluruhan responden kajian seramai 136 orang. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), sebanyak 136 responden diperlukan untuk mewakili kesemua populasi 210 pelajar daripada lima fakulti yang terdapat di UiTM Cawangan Kelantan. Daripada 150 borang soal selidik yang diedarkan, 136 (90.6%) borang soal selidik dapat digunakan. Bilangan ini mencukupi untuk memberi gambaran yang lebih terperinci berkaitan penggunaan kamus dalam kalangan pelajar di UiTM Cawangan Kelantan.

Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A berkaitan maklumat demografi seperti jantina, umur, negeri, fakulti dan kod subjek bahasa Arab Bahagian B berkaitan dengan elemen penggunaan kamus dalam talian dan bahagian C berkaitan persepsi pelajar terhadap kebergunaan kamus dalam talian. Kesemua item kajian diukur menggunakan skala *likert 5* mata (sangat tidak setuju - sangat setuju). Nilai 1 menunjukkan tahap persetujuan paling rendah manakala nilai 5 menunjukkan tahap persetujuan paling tinggi terhadap soalan atau kenyataan yang dinyatakan. Instrumen kajian ini telah dilakukan pra ujian bagi memastikan kebolehpercayaannya. Nilai Alpha Cronbach bagi lima item penggunaan kamus adalah sebanyak 0.950 manakala nilai bagi enam item kebergunaan kamus adalah sebanyak 0.957. Nilai Alpha Cronbach yang melebihi 0.6 menunjukkan kebolehpercayaan item soal selidik berada pada paras yang boleh diterima (Kline, 2011).

Sebelum analisis data dilaksanakan, proses pembersihan data yang melibatkan beberapa ujian seperti data yang tidak lengkap dan pengesanan data terpencil dilakukan. Daripada jumlah keseluruhan soal selidik yang diedarkan, 136 data yang baik dan bebas daripada masalah di atas dikekalkan untuk tujuan analisis selanjutnya. Seterusnya, dengan *Statistical Software Package for Social Sciences* (SPSS) Versi 23.0 digunakan. Analisis yang dilakukan sesuai dengan objektif kajian. Data dijelaskan dalam bentuk jadual untuk membolehkan pembaca memahami dengan lebih jelas dapatan kajian. Analisis yang dijalankan melibatkan statistik deskriptif, analisis frekuensi dan ujian kebolehpercayaan.

Dapatan Kajian

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, objektif kajian ini adalah untuk melihat (i) penilaian pelajar UiTM Cawangan Kelantan terhadap penggunaan kamus *VerbDict* dan (ii) persepsi mereka terhadap kebergunaan kamus kata kerja bahasa Arab ini. Bagi menjawab kedua-dua objektif kajian, analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS dijalankan.

Responden Kajian

Majoriti responden terdiri daripada 34 pelajar lelaki (25.0%) manakala pelajar perempuan seramai 102 (75.0%). Kebanyakan umur responden 22 tahun (48.5%), diikuti dengan umur 21 tahun (20.6%). Majoriti pelajar berasal dari Kelantan (46.3%), diikuti dengan negeri Selangor (14.0%), Terengganu (10.3%) dan lain-lain negeri (29.4%). Responden kajian terdiri daripada pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan (47.8%), Fakulti Perakaunan (26.5%) dan Fakulti Sains Komputer & Matematik (19.9%). Lebih separuh daripada jumlah responden kajian mengambil kursus bahasa Arab kod TAC501 (50.7%), diikuti dengan kod TAC451 (28.7%) dan TAC401 (19.9%).

Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS dilaksanakan untuk melihat tahap penggunaan kamus kata kerja bahasa Arab UiTM di kalangan pelajar UiTM Cawangan Kelantan dan juga persepsi mereka berkaitan kebergunaan kamus tersebut. penilaian responden terhadap kualiti masjid di negeri Kelantan.

Penggunaan Kamus VerbDict

Dapatan yang diperoleh daripada borang soal selidik dinilai menggunakan purata setiap elemen tahap penggunaan (M) dan sisihan piawai (SP) dalam menentukan persepsi responden terhadap lima elemen tahap penggunaan kamus kata kerja bahasa. Begitu juga dengan nilai purata setiap elemen persepsi (M) dan sisihan piawai (SP) responden terhadap enam 4.0 ke atas di anggap tinggi, antara 2.5 dan 3.99 dianggap sederhana dan antara 0 dan 2.49 dianggap rendah. Bagi nilai sisihan piawai, nilai antara 0.00 dan 0.25 dianggap mendapat persetujuan responden yang sangat rendah, nilai antara 0.26 dan 0.50 dianggap mendapat persetujuan responden yang rendah, nilai antara 0.51 dan 0.75 dianggap mendapat persetujuan responden yang sederhana, nilai antara 0.76 dan 1.00 dianggap mendapat persetujuan responden yang tinggi dan >1.01 dianggap mendapat persetujuan responden yang sangat tinggi (Ramlee, 1999).

Hasil analisis menunjukkan nilai min berada antara 4.06 dan 4.15. Responden kajian menilai pada tahap yang tinggi kesemua elemen tahap penggunaan kamus kata kerja bahasa Arab iaitu mereka menggunakan kamus ini untuk melaksanakan tugas *role play*, untuk melaksanakan tugas simulasi, untuk membaca dialog dan teks Arab, untuk menulis dialog dan teks Arab serta untuk tujuan ulangkaji topik yang dipelajari. Dapatan analisis ini disokong oleh tahap persetujuan yang tinggi responden terhadap kesemua elemen tahap penggunaan kamus dengan nilai sisihan piawai (SP) antara 0.82 dan 0.92. Analisis kebolehpercayaan item penggunaan kamus dalam talian adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai *Cronbach Alpha* sebanyak 0.95, melebihi tahap 0.70 yang telah ditetapkan (Nunnally, 1978). Ringkasan persepsi responden terhadap lima elemen tahap penggunaan kamus dijelaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Taburan Penilaian Responden Terhadap Penggunaan Kamus VerbDict

Item	M	SP	Tahap
1. Ulangkaji topik dipelajari	4.06	.917	Tinggi
2. Pelaksanaan tugas simulasi	4.14	.800	Tinggi
3. Pelaksanaan tugas <i>role play</i>	4.15	.824	Tinggi
4. Membaca dialog dan teks Arab	4.14	.827	Tinggi
5. Menulis dialog dan teks Arab	4.13	.833	Tinggi

M: *mean*, SP: sisihan piawai.

Sumber: Penulis (2023)

Persepsi Pelajar Terhadap Kebergunaan Kamus VerbDict

Jadual 2 menerangkan persepsi pelajar berkaitan kebergunaan penggunaan kamus kata-kerja bahasa Arab. Data menunjukkan nilai min berada antara 4.35 dan 4.45. Responden kajian menilai pada tahap yang tinggi kesemua elemen persepsi penggunaan kamus kata kerja bahasa Arab iaitu keberkesanan pembelajaran bahasa Arab, kebergunaan, mudah, cepat, meningkatkan produktiviti dan meningkatkan pencapaian pembelajaran bahasa Arab. Dapatan analisis ini disokong oleh tahap persetujuan yang tinggi responden terhadap kesemua elemen persepsi responden terhadap kebergunaan penggunaan kamus dengan nilai sisihan piawai (SP) antara 0.64 dan 0.69. Analisis kebolehpercayaan item penggunaan kamus dalam talian adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai *Cronbach Alpha* sebanyak 0.96, melebihi tahap 0.70 yang telah ditetapkan (Nunnally, 1978). Ringkasan persepsi responden terhadap enam elemen kebergunaan penggunaan kamus dijelaskan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2. Persepsi Responden Terhadap Kebergunaan Kamus VerbDict

Item	M	SP	Tahap
1. Menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih mudah	4.45	.653	Tinggi
2. Berguna dalam pembelajaran bahasa Arab	4.43	.641	Tinggi
3. Meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa Arab	4.36	.663	Tinggi
4. Menyelesaikan tugas bahasa Arab dengan cepat	4.35	.683	Tinggi
5. Meningkatkan produktiviti pembelajaran bahasa Arab	4.35	.694	Tinggi
6. Meningkatkan pencapaian pembelajaran bahasa Arab	4.35	.673	Tinggi

M: *mean*, SP: sisihan piawai.

Sumber: Penulis (2023)

Perbincangan

Kajian ini dijalankan bagi meninjau tahap penggunaan kamus kata kerja bahasa Arab *VerbDict* dalam kalangan pelajar UiTM Cawangan Kelantan dan juga persepsi mereka berkaitan kebergunaan penggunaan kamus tersebut. Dapatan kajian menunjukkan penilaian pelajar terhadap lima elemen penggunaan kamus *VerbDict* adalah baik dengan kesemua elemen itu dinilai pada tahap yang tinggi. Pelajar menggunakan kamus ini untuk melaksanakan tugas *role play*, tugas simulasi, membaca dialog dan teks Arab, menulis dialog dan teks Arab serta mengulangkaji topik yang dipelajari. Begitu juga dengan persepsi pelajar berkaitan

kebergunaan kamus kata-kerja bahasa Arab *VerbDict*. Mereka menilai kebergunaan kamus pada tahap yang tinggi kesemua elemen persepsi kebergunaan kamus kata kerja bahasa Arab *VerbDict* iaitu menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih mudah, berguna dalam pembelajaran bahasa Arab, meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa Arab, menyelesaikan tugas bahasa Arab dengan cepat, meningkatkan produktiviti pembelajaran bahasa Arab dan meningkatkan pencapaian pembelajaran bahasa Arab.

Bagi objektif pertama, pandangan responden terhadap elemen penggunaan kamus kata kerja bahasa Arab *VerbDict* tidak banyak berbeza antara satu sama lain. Elemen pelaksanaan tugas *role play* dinilai oleh responden pada tahap yang paling tinggi. Selain daripada aspek melaksanakan tugas *role play*, melaksanakan tugas simulasi, membaca dialog dan teks Arab, menulis dialog dan teks Arab serta tujuan ulangkaji topik yang dipelajari juga dinilai pada tahap yang tinggi oleh responden kajian. Penilaian responden yang tinggi ini menunjukkan tahap penggunaan kamus kata kerja bahasa Arab UiTM di kalangan pelajar UiTM Cawangan Kelantan berada pada tahap yang baik dan memuaskan.

Bagi objektif kedua, didapati bahawa pandangan responden terhadap elemen persepsi pelajar berkaitan kebergunaan kamus kata kerja bahasa Arab *VerbDict* juga adalah tinggi. Faktor keberkesanan pembelajaran bahasa Arab dinilai oleh responden pada tahap yang paling tinggi. Selain daripada aspek keberkesanan pembelajaran bahasa Arab, kebergunaan, mudah, cepat, meningkatkan produktiviti dan meningkatkan pencapaian pembelajaran bahasa Arab dipelajari juga dinilai pada tahap yang tinggi oleh responden kajian. Penilaian responden yang tinggi ini menunjukkan persepsi pelajar berkaitan kebergunaan kamus kata-kerja bahasa Arab *VerbDict* dalam kalangan pelajar juga berada pada tahap yang baik dan memuaskan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian-kajian sebelum ini yang mendapati pemilihan dan penggunaan kamus membantu pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab samada sama dalam bentuk digital atau cetakan. Pelajar lebih memahami teks bacaan dengan mudah dan memotivasikan mereka untuk dalam berbahasa (Haryati, Ahmad Yazid, Maimun Aqsha & Mohd Isa, 2019; Ratmini & Dahlia, 2019).

Kesimpulan

Hasil kajian dengan jelas membuktikan tahap penggunaan kamus kata kerja bahasa Arab *VerbDict* dalam kalangan pelajar UiTM Cawangan Kelantan berada pada tahap yang memuaskan. Pelajar dapat menggunakannya untuk menyelesaikan tugas lakon peranan (*role play*), simulasi dan lain-lain. Persepsi pelajar terhadap kebergunaan kamus *VerbDict* juga pada tahap yang tinggi. Kamus ini mampu meningkatkan keberkesanan, pencapaian dan produktiviti pembelajaran bahasa Arab pelajar selain ia menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih mudah dan cepat. Dapatan kajian ini selari dengan kajian-kajian sebelum ini yang menunjukkan kewujudan hasil positif daripada penggunaan kamus-kamus dalam talian. Adalah dicadangkan agar kamus *VerbDict* ini disebarluaskan penggunaannya bukan sahaja di seluruh sistem UiTM, tetapi juga di institusi-institusi pendidikan/pengajaran bahasa Arab seluruh negara.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan artikel ini. Dirakamkan juga penghargaan khas buat pihak Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Afsaneh Ghanizadeh, Azam Razavi, Safoura Jahedizadeh. (2015). Technology-Enhanced Language Learning (TELL): A review of resources and upshots. *International Letters of Chemistry, Physics and Astronomy*, 54, 73-87.
- Al-Maany. (2023, June 4). *Al-Maany*. <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D9%82%D8%A7%D9%85%D9%88%D8%B3/>
- Besse Wahida. (2017). Kamus Bahasa Arab sebagai sumber belajar (Kajian terhadap penggunaan kamus cetak dan kamus digital) *At-Turats*, 11(1), 58 – 71.
- Crystal, D. (2011). *A Dictionary of linguistics and phonetics* (6th ed.). Victoria, Australia: Blackwell Publishing Ltd, Blackwell Publishing.
- Haryati Yaacob, Ahmad Yazid Ahmad, Maimun Aqsha Lubis dan Mohd Isa Hamzah . (2019). Penggunaan kamus dalam pembelajaran Bahasa Arab oleh pelajar yang mengikuti subjek Bahasa Arab komunikasi. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-17 (PPA-17)*. Bangi.
- Ibnu Manzur, M. i. (2010). *Lisan al-Arab*. Beirut, Lubnan: Dar Ihya Al-Turats Al-Arabi.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad al-Ziyat, Hamid Abd al-Qadir, Muhammad al-Najjar. (2023). *Academy of the Arabic language in Cairo, al-Mu'jam al-Wasit*.
- Kline, R.B. (2011). *Principles and practice of structural equation modeling*. New York: Guilford Press.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Muhammad Yamin, Annisa Malika Putri, Rohimah, Siti Chairunnisa, Muhammad Raihan Chaidar. (2022). Kamus Digital sebagai sarana hidzul mufrodah di kelas VII-1 Madrasah Tsanawiyah Negeri Samarinda. *Jurnal Tarbiyah & Ilmu Keguruan (JTik) Borneo*, 3(3), 37-45.
- Naimah Abdullah. (2005). Strategi pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa ketiga menggunakan pendekatan Bahasa Inggeris: Suatu pengalaman di UiTM. *Journal of Language Studies*, 1, 63-74.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory*. New York: McGraw Hill.
- Ramlee, M. (1999). *The role of vocational and technical education in the industrialization of Malaysia as perceived by educators and employers* [Unpublished doctoral dissertation]. Purdue University.
- Ratmini dan Dahlia . (2019). Dampak penggunaan aplikasi online dictionary pada pembelajaran Bahasa Inggris di Ma Al-Hidayah Muara Telang. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Program Pascasarjana Universitas PGRI Palembang* (pp. 511-517).
- Rosni Samah. (2007). Penggunaan internet dalam pengajaran bahasa: Kajian terhadap Bahasa Arab Komunikasi pelancongan. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 1(2), 83-95.
- Truong, D. (2012, September 11). *Online vs. print dictionary*. <http://www.visualgui.com/2012/09/11/online-vs-print-dictionary/>
- Wikipedia. (2023, 3 23). *Wikipedia*. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Kamus>